

Perintis

Keluaran Julai 2011



Peneraju Permodenan Infrastruktur Keretapi Negara

PERBADANAN ASET KERETAPI (PAK) KINI BEROPERASI DI BANGUNAN BARU DI KAJANG

Kajang : Selepas lebih 18 tahun beroperasi di beberapa lokasi antaranya Bukit Damansara, Parcel D, Putrajaya dan yang terakhir di Plaza Sentral, Perbadanan Aset Keretapi (PAK) kini mula beroperasi di bangunan barunya di Kajang Sentral Business Park, Kajang bermula November 2010.

Pejabat baru berkenaan yang terletak di No. 29 G, Blok B, Jalan TKS 1, Kajang Sentral Business Park, Kajang menempatkan Unit Pentadbiran di Tingkat Bawah, Unit Kewangan dan Akaun di Tingkat 1, Pejabat Pengurus Besar, Unit Hal Ehwal Korporat, Unit Pengurusan Maklumat dan Unit Undang-Undang di Tingkat 2 manakala Tingkat 3 pula menempatkan Bahagian Pengurusan Hartanah dan Bahagian Pembangunan, sekali gus menyediakan ruang pejabat lebih luas dan selesa berbanding sebelum ini.

Pejabat PAK yang baru ini turut dilengkapi dengan ruang lobi yang lebih luas, perpustakaan, bilik mesyuarat utama, bilik kaunseling, bilik latihan dan perhimpunan, bilik riadah, bilik GIS, surau dan bilik komputer, menjadikan ia sebuah pejabat yang kondusif untuk para pekerjaanya.

Operasi pejabat baru ini menyediakan suasana kerja lebih selesa untuk kakitangan, sejajar dengan misi dan visi PAK untuk menjadi peneraju Pengurusan Aset Keretapi Secara Holistik Menjelang 2015.

**Menarik
Di Dalam**

Lawatan Kerja Ke MIROS

8

Sekitar Majlis Kesyukuran

9

Bengkel Penilaian Kompetensi

9

KRONOLOGI

1992

• WISMA PERDANA, DAMANSARA

1993-2000

• WISMA SEMANTAN, DAMANSARA

2000-2002

• PARCEL D, PUTRAJAYA

2002-2010

• PLAZA SENTRAL, KL SENTRAL

2010-KINI

• KAJANG SENTRAL BUSINESS PARK
(TAMAN KAJANG SENTRAL)

Mutiara Kata

"Tidak seorang pun sempurna. Mereka yang mahu belajar daripada kesalahan adalah bijak. Menyedihkan melihat orang berkeras bahawa mereka benar meskipun terbukti salah..."

"Semulia-mulia manusia ialah siapa yang mempunyai adab, merendahkan diri ketika berkedudukan tinggi, memaafkan ketika berdaya membalas dan bersikap adil ketika kuat."
(Khalifah Abdul Malik bin Marwan)



isi kandungan

Sekapur Sirih Seulas Pinang	02
Dari Meja Editor	02
Hubungi Kami	02
Perihal PAK	03
PAK Turun Padang	04
PAK Sana Sini	05
PUSPANITA @ PAK	06
Makalah	07
Resepi	08
Rileks Minda	09
KLIK! KLIK! KLIK!	11
Senarai Perhubungan	12

Sekapur Sirih Seulas Pinang



**ENCIK ABDUL KADIR
BIN AB LATIFF**

Pengurus Besar
Perbadanan Aset Keretapi

Assalamualaikum w.b.t dan Salam 1 Malaysia...

Selamat bersua kembali pembaca sekalian. Alhamdulillah dan setinggi-tinggi syukur saya panjatkan ke hadirat Allah S.W.T khususnya kepada Unit Hal Ehwal Korporat kerana edisi ketiga buletin PERINTIS berjaya diterbitkan.

Mengakhiri tahun 2010, PAK sekali membuka lembaran baru apabila ia mula beroperasi di bangunan baru setelah 18 tahun beroperasi di beberapa lokasi dengan yang terakhir di Plaza Sentral, Kuala Lumpur. Bangunan yang dibeli dengan harga RM3.7 juta ini mengandungi empat tingkat yang menempatkan Unit Pentadbiran di Aras Bawah, Unit Kewangan dan Akuan di Aras 1, Unit Hal Ehwal Korporat, Unit Sistem Maklumat dan Pejabat Pengurus Besar di Aras 2 manakala Bahagian Pengurusan Hartanah dan Bahagian Pembangunan di Aras 3.

Saya amat berharap dengan tranformasi baru ini, semangat bekerja dan motivasi pegawai dan staf PAK akan meningkat dan mendorong ke arah kejayaan organisasi selaras dengan visi dan misi yang didokongnya.

Akhir kata, semoga PERINTIS berjaya mencapai objektif penerbitannya dan kandungannya memberi manfaat kepada para pembaca. Selamat membaca...

Sekian, terima kasih.

PERBADANAN ASET KERETAPI



*Dari Meja
Editor*

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Apa khabar pembaca sekalian? Keluaran PERINTIS kali ini ingin memperkenalkan pejabat baru PAK yang terletak di Kajang Sentral Business Park, Kajang, Selangor. Selain daripada itu, buletin kali ini turut memuatkan berita mengenai program *team building* yang julung kalinya dianjurkan Perbadanan ini pada bulan April 2011. Program yang berteraskan pembetulan organisasi ini, mengetengahkan beberapa pendekatan/modul antaranya penyertaan setiap kumpulan dalam aktiviti berbentuk 'mind games', merentas hutan dan sesi percambahan fikiran.

Selain daripada itu, wakil PAK juga telah dijemput untuk mengikuti Bengkel Penilaian Kompetensi Kementerian Pengangkutan yang diadakan di Hotel A'Famosa Resort, Melaka. Bengkel ini diadakan lanjutan daripada keputusan Mesyuarat Lembaga Penilaian Kompetensi Bil. 01/2011 yang memutuskan supaya Kementerian Pengangkutan mengadakan Bengkel Penilaian Kompetensi bagi mendapatkan maklum balas daripada setiap Jabatan/ Agensi di bawah Kementerian dalam usaha untuk merangka dan mewujudkan sistem penilaian kompetensi baru yang akan menggantikan sistem Penilaian Tahap Kecekapan (PTK).

Turut dimuatkan dalam PERINTIS kali ini ialah sekitar Lawatan Kerja ke Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS), Majlis Kesyukuran yang diadakan sempena perpindahan PAK ke pejabat baru dan program ceramah oleh YAPEIM.

Saya amat berharap keluaran PERINTIS kali ini akan memberi manfaat kepada para pembaca sekalian. Sekian, semoga berjumpa lagi pada keluaran PERINTIS akan datang.

Terima kasih

Unit Hal Ehwal Korporat
Perbadanan Aset Keretapi

SIDANG REDAKSI MENGALU-ALUKAN KOMEN, ULASAN DAN
SUMBANGAN DARIPADA SEMUA PEMBACA PERINTIS. SILA SALURKAN
MAKLUM BALAS ATAU SURAT MENYURAT KEPADA:

**Hubungi
Kami**

Editor PERINTIS,
Unit Hal Ehwal Korporat,
Perbadanan Aset Keretapi (PAK),
No 29G, Blok B, Jalan TKS 1,
Kajang Sentral Business Park,
43000 Kajang, Selangor DE.

Tel : 03-8733 2020
Faks : 03-8733 2222
Emel : saifarizan@rac.gov.my
Laman web : <http://www.rac.gov.my>

Mengenal Perbadanan Aset Keretapi

Penyewaan dan pajakan Tanah-tanah Keretapi

Aktiviti sewaan dan pajakan merupakan antara aktiviti utama Perbadanan Aset Keretapi (PAK) dalam pengurusan tanah-tanah keretapi. Selain menjana pendapatan, aktiviti ini juga penting dalam usaha mengelakkan tanah-tanah keretapi menjadi terbiar dan dicerobohi oleh orang awam.

Syarikat atau individu boleh membuat permohonan penyewaan ke atas tanah keretapi (hakmilik atau rizab) yang tidak terlibat dengan operasi keretapi. Kelulusan permohonan penyewaan dan pajakan adalah melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan Tanah-tanah Keretapi.

Jenis-Jenis Tanah Keretapi

1. Tanah Poket

- Tanah keretapi yang terpisah daripada operasi keretapi. Tanah ini pada masa dahulunya digunakan sebagai tapak kuarters atau sebagai kawasan kuari bagi kegunaan keretapi. Jumlah keluasan tanah poket adalah **1,431.84 ekar**.
- Tanah ini matk sesuai untuk dimajukan dalam pelbagai bentuk pembangunan mengikut kelulusan Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kerana tanah ini mempunyai nilai pasaran yang tinggi terutama di kawasan bandar dan pusat perniagaan utama.

2. Tanah "Sulplus"

- Tanah yang bercantum dengan kawasan operasi keretapi sama ada digunakan atau tidak seperti di kawasan stesen keretapi dan sekitarnya. Jumlah keluasan adalah seluas **2,791.16 ekar**.
- Tanah ini berpotensi untuk menjana pendapatan sama ada secara sewaan atau pembangunan yang memberi keuntungan kepada industri perkeretapiannya contohnya pembangunan KL Sentral.

3. Tanah "Sulplus"

- Tanah yang terlibat sepenuhnya dengan operasi keretapi seperti di laluan keretapi (landasan) dan juga sebahagian kawasan stesen keretapi. Walau bagaimanapun, hasil boleh dijana di sepanjang landasan dengan memastikan keselamatan operasi keretapi diambilkira jika penyewaan/pajakan diberikan. Jumlah keluasan tanah ROW ini adalah seluas 26,532,41 ekar.

Jenis-Jenis Penyewaan / Pajakan

a) Penyewaan Jangka Masa Pendek - maksimum 3 tahun

- Tempoh Penyewaan: Kelulusan penyewaan adalah bagi tempoh tidak melebihi 3 tahun dan akan ditamatkan sekiranya tanah tersebut diperlukan untuk pembangunan perkeretapiannya atau lain-lain tujuan pembangunan yang boleh menjana keuntungan.
- Tujuan Penyewaan: Perniagaan, Pertanian dan Rekreasi.
- Syarat-syarat penyewaan: Bagi penyewaan yang berdekatan dengan operasi keretapi (seperti di tepi landasan), PAK melalui Jawatankuasa Penyewaan dan Pajakan Tanah Keretapi telah menetapkan syarat bahawa sebarang bentuk perniagaan yang dirancang, tidak mengganggu operasi keretapi. Lokasi penyewaan yang dicadangkan juga perlu berada di luar pagar keselamatan atau zon keselamatan keretapi dengan jarak keselamatan kira-kira 10 meter dari landasan.
- Kadar sewa bulanan/ tahunan yang dikenakan adalah berdasarkan nilai sewa pasaran yang ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

b) Pajakan melebihi 5 tahun

- Permohonan pajakan tanah keretapi akan diproses dalam tempoh 90 hari tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah PAK dan Mesyuarat Jemaah Menteri.
- Dalam tempoh permohonan diproses, pemohon akan ditawarkan penyewaan jangka pendek (maksimum 3 tahun) terlebih dahulu dan pemohon mesti menunjukkan komitmen yang baik daripada segi bayaran sewa sebagai pra-syarat untuk kelulusan pajakan jangka panjang.
- Tempoh pajakan adalah di antara 5 tahun sehingga 99 tahun berdasarkan kepada keperluan pajakan.
- Tanah-tanah keretapi yang dikategorikan sebagai tanah rizab boleh dipajakan untuk tujuan pembangunan dan aktiviti perniagaan yang berkaitan dengan keretapi manakala bagi tanah keretapi yang dikategorikan sebagai tanah hakmilik, ia boleh diberi pajakan dan dibangunkan untuk menjana pendapatan tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah PAK dan juga Jemaah Menteri.
- Kadar pajakan ini juga adalah berdasarkan nilai pajakan bagi tempoh tertentu yang ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

Pemohon Individu:

- Borang PAK/H-01
- Salinan kad pengenalan pemohon,
- Gambar lokasi dan salinan pelan tapak (litho dan lakaran); dan
- Bayaran proses permohonan sebanyak RM200 dalam bentuk tunai/cek/bank draf di atas nama PAK

Pemohon Syarikat:

- Borang PAK/H-01
- Salinan kad pengenalan wakil syarikat
- Gambar lokasi dan salinan pelan tapak (litho dan lakaran),
- Memorandum of Articles,
- Salinan undang-undang tubuh kecil; dan
- Bayaran proses permohonan sebanyak RM200 dalam bentuk tunai/cek/bank draf di atas nama PAK

Program Team Building “Building A Dynamic Team”

Bertujuan untuk memupuk semangat kekitaan di kalangan warga PAK untuk sama-sama peka dan komited ke atas tanggungjawab yang telah ditugaskan.

bekerjasama sebagai satu pasukan.



Perbadanan Aset Keretapi (PAK) telah menganjurkan “program team building” bertajuk “Building A Dynamic Team” pada 1-3 April 2011 bertempat di Hawa Resort and Training Centre, Janda Baik, Pahang.

Program ini diadakan bertujuan untuk memupuk semangat kekitaan di kalangan warga PAK untuk sama-sama peka dan komited ke atas tanggungjawab yang telah ditugaskan. Selain daripada itu, program ini juga untuk menggalakkan semangat bekerjasama dan bantu-membantu di antara kakitangan PAK dan meningkatkan rasa keyakinan diri setiap kakitangan PAK dalam menempuh cabaran, tekanan dan situasi kritikal dalam kerjaya.

Pelbagai aktiviti berbentuk *team building* telah diadakan antaranya acara merentas hutan, permainan berkumpulan dan ‘mind games’. Semua aktiviti ini memberi peluang kepada semua warga PAK lebih saling mengenali, beramah mesra antara satu sama lain dan membolehkan mereka

Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh Pengurus Besar PAK, En Abdul Kadir bin Ab Latiff pada majlis makan malam yang diadakan. Dalam ucapannya, beliau mengingatkan semua warga PAK agar sentiasa sedar akan tanggungjawab yang diamanahkan dan menunaikannya sebaik mungkin bagi memastikan PAK dapat mencapai visi dan misi yang telah digariskan.

Majlis penutup diakhiri dengan upacara penyampaian sijil dan hadiah kepada peserta-peserta program dan diikuti dengan sesi bergambar bersama fasilitator yang mengendalikan program tersebut.



Pengurus Besar PAK mengingatkan warga PAK sedar akan tanggungjawab dan mencapai visi dan misi yang telah digariskan.

Lawatan Mesra Ke MIROS

Pada 18 Januari 2011 yang lalu, Perbadanan Aset Keretapi (PAK) telah menerima jemputan lawatan kerja daripada Institut Penyelidikan dan Keselamatan Jalan Raya (MIROS).

Tujuan lawatan itu diadakan adalah untuk membuka ruang kerjasama yang lebih luas di antara MIROS dan PAK untuk bertukar-tukar pengalaman dan kepakaran selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Agensi Kerajaan sebagai penyedia perkhidmatan terbaik kepada rakyat sejajar dengan gagasan 1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Selain daripada itu, lawatan ini juga adalah bagi meraikan kehadiran PAK sebagai jiran baru MIROS.



PAK SAMA SINI



Bengkel Penilaian Kompetensi



Wakil Perbadanan Aset Keretapi (PAK) telah mengikuti Bengkel Penilaian Kompetensi Kementerian Pengangkutan yang diadakan dari 7 hingga 9 Februari 2011 di Hotel A'Famosa Resort, Melaka.

Bengkel ini diadakan lanjutan daripada keputusan Mesyuarat Lembaga Penilaian Kompetensi Bil. 01/2011 yang memutuskan supaya Kementerian Pengangkutan mengadakan Bengkel Penilaian Kompetensi bagi mendapatkan maklum balas daripada setiap Jabatan/Agensi di bawah Kementerian dalam usaha untuk merangka dan mewujudkan sistem penilaian kompetensi baru yang akan menggantikan sistem Penilaian Tahap Kecekapan (PTK).

Dalam bengkel tersebut, PAK telah diletakkan di bawah kumpulan Lembaga-Lembaga Pelabuhan Persekutuan Malaysia (LLPPM) memandangkan PAK

merupakan satu daripada dua agensi, selain Lembaga Pelabuhan Sabah yang menumpang Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) yang dijalankan oleh LLPPM sebelum ini.

Antara jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pengangkutan yang turut menghadiri bengkel ini adalah Jabatan Penerbangan Awam, MIROS dan JPJ.

Bengkel tiga hari tersebut turut dimuatkan dengan beberapa siri taklimat mengenai model penilaian kompetensi yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan dan Keselamatan Jalan Raya (MIROS), pelaksanaan Continuous Professional Development oleh Kementerian Kesihatan dan pelaksanaan PTK di Jabatan Pengangkutan Jalan untuk mendapatkan gambaran awam mengenai model dan sistem penilaian yang akan dan sedang dijalankan.



Sekitar Majlis Kesyukuran Sempena Perpindahan PAK Ke Bangunan Baru



Sekitar Sesi Ceramah Oleh YAPEIM



Program: Majlis Perpisahan Datin Sri Noorhayati Ismail dan Pertandingan Nyanyian dan Senam Tari/Poco-Poco

Tarikh : 12 November 2010

Tempat : Dewan KBS/DCA, Putrajaya



Pengerusi PUSPANITA PAK Puan Rohani Harun (dua, kiri) turut hadir menyerikan Majlis Perpisahan Datin Sri Noorhayati Ismail dan Pertandingan Nyanyian dan Senam Tari/Poco-Poco

Wakil PUSPANITA PAK yang menyertai Pertandingan Senam Tari/Poco-Poco



Wakil PAK dalam pertandingan menyanyi lagu dangdut Cik Norafiza Ngah, Cik Zaridah Ibrahim dan Puan Normahinawati A Ghaffar.



BUDAYA ETIKA DAN INTEGRITI MEMBENTUK BUDAYA KERJA CEMERLANG

Untuk melangkah ke masa hadapan yang lebih cemerlang, negara kita harus bijak mengurus kejayaan, serta dengan tegas dan berkesan mengatasi pelbagai kelemahan dan kekurangannya. Cabaran besar yang perlu ditanganinya dalam usaha tersebut ialah pemantapan etika dan integriti. Budaya etika dan integriti adalah selaras dengan cabaran keempat Wawasan 2020 iaitu untuk membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.

Etika:

Adalah himpunan nilai dan moral yang menjadi piawai bagi tingkah laku individu, organisasi dan profesion.

Integriti:

Secara umumnya ialah kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu pada individu dan organisasi. Integriti berkaitan erat dengan etika. Ia adalah berlandaskan etika dalam tindakan sehari-hari.

Budaya kerja:

Merujuk kepada nilai, kepercayaan dan sikap nilai, kepercayaan dan sikap pekerja terhadap pekerjaan.

Integriti Bukan Isu Rasuah sahaja:

Isu integriti bukan hanya terfokus kepada isu-isu rasuah sahaja, malah ia merupakan satu konsep yang lebih besar. Amalan budaya kerja juga menuntut integriti. Integriti dalam ketepatan waktu, integriti dalam menyampaikan maklumat, integriti dalam memberi perkhidmatan terbaik, integriti dalam berhubung dengan ketua jabatan, rakan sekerja dan juga kakitangan sokongan.

Budaya Kerja Dalam Organisasi:

Budaya etika dan integriti ini adalah amat penting dalam mana-mana organisasi kerana ia memastikan pelaksanaan apa jua program serta matlamat dicapai dengan baik serta beretika. Antara objektifnya:

1. Memberikan hala tuju dan bimbingan pelbagai sektor supaya mereka dapat bekerjasama dalam usaha besar membina masyarakat yang bersatu padu, berharmoni, berintegriti, bermoral dan beretika;
2. Meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama pelbagai sektor dalam usaha peningkatan integriti supaya ia menjadi budaya masyarakat dan diamalkan dalam semua bidang;
3. Menggalakkan semangat bertanggungjawab di kalangan anggota masyarakat serta mendorong perkembangan masyarakat sivil yang menjunjung prinsip integriti dan bergerak cergas menegakkan integriti;
4. Menyumbang kepada usaha pengukuhan asas moral masyarakat dan negara, dan peningkatan kesejahteraan hidup anggota masyarakat; dan
5. Meningkatkan daya saing dan daya tahan Malaysia dalam usaha menangani cabaran abad ke-21 khususnya cabaran globalisasi dengan lebih berkesan.

Budaya Kerja Berkualiti:

Bagi membentuk budaya kerja yang berkualiti dalam organisasi, beberapa ciri harus diberi perhatian;

- i) Orientasi warga kerja haruslah bergerak di atas landasan yang betul sebagai prasyarat bagi menjayakan budaya kerja cemerlang iaitu mesti ada komitmen, mempunyai kesedaran kualiti, bersedia menerima perubahan dan tiada batasan masa untuk cemerlang.
- ii) Komitmen daripada segala lapisan warga kerja bagi meningkatkan kecemerlangan organisasi adalah dituntut.
- iii) Kerja yang hendak dilaksanakan perlu dilakukan dengan sepenuh hati atas kehendak organisasi dengan menyetepikan segala kepentingan lain khususnya kepentingan peribadi.
- iv) Sesebuah organisasi mewujudkan 'mind-set' yang berorientasikan kecemerlangan supaya warga kerja lebih komited kepada matlamat utama jabatan.
- v) Sentiasa menggalakkan warga kerja menghayati serta mempraktikkan amalan-amalan pengurusan yang boleh meningkatkan kecemerlangan organisasi.

Budaya kerja yang unggul dan cemerlang menjadi asas kepada peningkatan dan kualiti produktiviti sesebuah organisasi. Pembentukan budaya kerja berkualiti hanya akan tercapai sekiranya warga organisasi mempraktikkan etika kerja dan sifat integriti yang menyeluruh dan positif.

Sumber : Institut Integriti Malaysia dan Pelan Integriti Nasional

Resepi:

Kerabu Sotong



BAHAN-BAHAN

- 200 Gm Sotong Putih (Potong Panjang)
- 100 Gm Kacang Panjang (Hiris Halus)
- 2 Tangkai Cili Merah (Hiris Halus)
- 4 Tangkai Cili Padi (Hiris Halus)
- 5 Ulas Bawang Kecil (Hiris Halus)
- 20 Gm Daun Pegaga (Hiris Halus)
- 1 Sudu Besar Kerisik
- Garam Dan Lada Sulah
- 2 Sudu Besar Sos Ikan
- 2 Biji Limau Nipis (Perah)

CARA MENYEDIAKAN

1. Rebuskan Sotong Hingga Masak Dan Toskan.
2. Campurkan Bahan Yang Dihiris Halus Dengan Sotong.
3. Masukkan Bahan-Bahan Lain, Gaul Rata.

Sari Buah



BAHAN A

- 1/2 biji betik (sederhana besar)
- 50 gm ais hancur
- 3 sudu besar air gula
- Sedikit air

BAHAN B

- 1 biji mangga
- 50 gm ais hancur
- 3 sudu besar air gula
- Sedikit air

CARA MENYEDIAKAN

1. Masukkan bahan A ke dalam pengisar dan kisar sehingga halus.
2. Tuangkan ke dalam gelas.
3. Masukkan bahan B ke dalam pengisar dan kisar juga hingga halus.
4. Tuangkan ke dalam gelas dengan berhati-hati supaya tidak bercampur

Bergedil Telur Puyuh



BAHAN-BAHAN

- 500 gm isi ayam
- 500 gm ubi kentang
- 2 biji telur - asingkan putih dan kuning
- 1/2 sudu teh lada putih
- 2 labu bawang besar - didadu
- 1 tangkai daun bawang dan daun sup - dimayang
- 15 ulas bawang merah - dibuat bawang goreng
- 1/2 sudu teh serbuk kari daging
- 1 cawan serbuk roti
- Sedikit garam
- 6 cawan minyak masak untuk goreng terendam
- 20 biji telur puyuh - rebus keras dan kupas kulitnya

CARA MENYEDIAKAN

1. Bersihkan isi ayam dan cincang halus. Panaskan sebentar di dalam kuah hingga kering airnya.
2. Kupas ubi kentang, bersihkan dan potong setebal 2 cm. Goreng hingga masak menggunakan tiga cawan minyak. Tumbuk halus.
3. Satukan ubi kentang tumbuk dengan isi ayam, kuning telur, lada putih, bawang besar, bawang goreng, daun bawang dan daun sup, rempah daging serta garam. Gaul rata.
4. Pukul putih telur hingga kembang. Ketepikan.
5. Ambil sedikit adunan kentang, leperkan, isi telur puyuh dan bungkus kembali mengikut bentuk telur.
6. Panaskan minyak, celup dalam putih telur, golekkan atas serbuk roti dan goreng terendam hingga kuning.
7. Angkat dan hidangkan bersama kuah bergedil.

Kuah Bergedil:

Bahan-bahan:

- 2 sudu besar tomato puri
- 1 sudu kecil serbuk cili
- 4 sudu besar cuka
- 4 sudu besar gula
- 1/2 cawan air
- 2 ulas bawang putih - ditumbuk

Cara Menyediakan:

1. Campurkan kesemua bahan masak hingga mendidih.
2. Hidangkan bersama bergedil telur puyuh.

(sumber: www.sajionline.com.my)

Cari Perkataan Tersembunyi

Y	S	J	D	K	Y	J	N	H	C	S	N	F	B	U
Z	Q	I	T	A	Q	V	X	M	P	A	I	O	N	S
K	G	T	L	I	T	Q	M	O	B	U	E	U	N	I
D	S	E	G	I	E	M	P	A	T	L	A	O	L	F
D	F	M	E	B	N	T	A	L	U	B	K	H	W	O
Q	T	F	N	D	G	D	Z	Q	U	Q	Z	O	I	J
Y	H	P	M	I	S	K	E	R	E	P	Q	P	D	K
M	U	O	X	T	E	Q	G	R	I	A	I	K	J	X
X	I	B	R	K	G	M	Z	D	P	R	S	F	R	K
G	D	T	W	Y	I	T	Y	N	A	L	D	N	Z	Z
H	A	T	W	C	T	J	K	M	Q	A	R	V	U	U
T	U	R	A	N	I	F	I	A	S	M	Q	P	O	H
N	H	L	V	V	G	D	Z	T	P	U	F	G	D	O
I	O	J	U	F	A	N	X	D	Q	A	I	N	J	Y
L	C	V	D	P	V	Z	W	Y	O	R	T	H	L	E

Jawapan : BULAT, KON, LUAS, PIRAMID, SEGIEMPAT, SEGITIGA, SILINDER, TAPAK

Menyegarkan Kulit Wajah

CARA-CARA

1. Cuci dan potong nipis epal hijau.
2. Kemudian, rendamkan epal tadi di dalam air batu selama 5 minit.
3. Setelah itu, letakkan di muka dan biarkan selama 15 minit.
4. Anda akan dapat rasakan kesegarannya. Jika diamalkan selalu ia juga boleh melicinkan kulit

BAHAN-BAHAN

Epal Hijau
Air Batu

Penawar Sakit Kepala

Jika anda sering diserang sakit kepala, selain makan ubat amalkan beberapa petua ini :

CARA-CARA

1. Ramas beberapa helai daun sirih di dalam mangkuk yang berisi air. Kemudian basahkan kepala dengan air dan daun sirih tersebut sambil memicit-micit kepala selama 15 minit.
2. Tumbuk enam helai daun sawi hingga lumat. Campurkan dengan sedikit garam, lumurkan serta gosokkan perlahan-lahan pada dahi dan pelipis.
3. Ramas asam jawa sebesar telur ayam dengan secawan santan lalu tapis. Kemudian basahkan kepala dengan air suam lalu bungkus. Biarkan seketika dan kering di kepala, barulah basuh bersih. Rasa sakit akan berkurangan dan rambut jadi lembut.
4. Tumbuk dua atau tiga helai daun setawar hingga lumat. Kemudian tempekkan di kepala dan balutkan. Biarkan semalaman.
5. Rebus beberapa biji kulit manggis dengan tiga gelas air. Biarkan sehingga airnya tinggal satu gelas sahaja. Tapis dan buang hampasnya. Berkumur setiap hari tapi jangan sampai terminum pula airnya.

Mencantikkan Rambut

CARA-CARA

1. Daun limau purut juga boleh digunakan untuk mencantikkan rambut. Cara-caranya adalah:
 - o Ramas beberapa helai daun limau purut, sedikit air dan bunga raya.
 - o Apabila sebat, tapis airnya dan lumurkan pada rambut anda.
 - o Di samping memberi keharuman pada rambut ia juga menyejukkan kulit kepala.
2. Campurkan beberapa helai daun rambutan dengan sedikit air. Ramas sehingga keluar airnya. Ketika mandi, lumurkan pada rambut dan biarkan selama 15 minit. Kemudian bilas dengan air bersih.

(sumber: www.sajionline.com.my)

Klik Memori *Perkahwinan*

KLIK!
KLIK!
KLIK!



Nama pengantin lelaki : Noorulfetri bin Md Salleh
Nama pengantin perempuan : Nurlina binti Saa
Tarikh : 20 November 2010
Alamat : No. 257, Bukit Tinggi, Kampung Sadik, Kupang, 09200 Baling, Kedah

Nama pengantin lelaki : Mohd Jalaluddin Bin Jusoh
Nama pengantin perempuan : Norizam Binti Abd Kadir
Tarikh : 4 Februari 2011
Alamat: Blok F 72, JPN Lati, 17000 Pasir Mas, Kelantan



Nama pengantin lelaki : Asarin Bin Gumut
Nama pengantin perempuan : Syazwani Binti Alias
Tarikh : 13 November 2010
Alamat : No. Lot 1784A, Kg. Ampang Indah, 68000 Ampang, Selangor

Nama pengantin lelaki : Muzaffar bin Mispani
Nama pengantin perempuan : Zuraidah Binti Adnan
Tarikh : Disember 2010
Tempat : No 1, Lorong Dagang 9, Taman Dagang Jaya, 68000 Ampang, Selangor



Perintis



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

Y.Bhg. Dato' long See Wool
Ketua setiausaha
Kementerian Pengangkutan Malaysia

Y.Bhg. Dato' Yap Kin Sian
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)
Kementerian Pengangkutan Malaysia

Y.Bhg. Datuk Hj. Kamaruzaman bin Hj. Mohd Noor
Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan)
Kementerian Pengangkutan

PERBADANAN ASET KERETAPI
Encik Abdul Kadir Ab Latiff
Pengurus Besar

JABATAN KESELAMATAN JALAN RAYA
Y.Bhg. Datuk Suret Singh
Ketua Pengarah

LEMBAGA PELABUHAN JOHOR
Encik Nik Aziz Bin Nik Hussain
Pengurus Besar

Perbadanan Aset Keretapi
No.29G, Blok B, Jalan TKS1,
Kajang Sentral Business Park,
43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan
No Telefon : 03-8733 2020
No Faks : 03-8733 2222

Jabatan Keselamatan Jalan Raya
Aras 2, Blok D5, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62616 Putrajaya.
Tel: 03-88866287
Faks: 03-88886720

Lembaga Pelabuhan Johor
6A1-8A1 Pusat Perniagaan Pasir Gudang ,
Jalan Bandar,
81700 Pasir Gudang ,
Johor Darul Takzim.
Tel: 07-2534000
Faks: 07-2517684

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN
Y.Bhg. Dato' Haji Solah Mat Hasan
Ketua Pengarah

JABATAN KERETAPI MALAYSIA
Encik Hj Anuar Bin Kassim
Ketua Pengarah

LEMBAGA PELABUHAN Kuantan
Y.Bhg. Dato' Khairul Anuar bin Abdul Rahman
Pengurus Besar

Jabatan Pengangkutan Jalan
Aras 1-5 , Blok D4 , Kompleks D ,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62620 Putrajaya
Tel: 03 - 8886 6400
Faks: 03 - 8888 9645

Jabatan Keretapi Malaysia
Aras 13, Menara Dayabumi,
Jalan Sultan Hishamuddin,
50050 Kuala Lumpur
Tel: 03-88866287
Faks: 03-88886720

Lembaga Pelabuhan Kuantan
Tanjung Gelang, Peti Surat 161,
25720 Kuantan,
Pahang Darul Makmur
Tel: 09- 585 8000
Faks: 09 - 583 3866

JABATAN PENERBANGAN AWAM
Y.Bhg. Dato' Azharuddin Abdul Rahman
Ketua Pengarah

LEMBAGA PELABUHAN KLANG
Encik Kee Lian Yong
Pengurus Besar

SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
Encik Noor Ariff bin Yusoff
Pengurus Besar

Jabatan Penerbangan Awam
No. 27, Persiaran Perdana,
Tingkat 1 - 4, Blok Podium, Presint 4,
62618 Putrajaya
Tel: 03 - 8871 4000
Faks: 03 - 8890 1640

Lembaga Pelabuhan Klang
Beg Berkunci 202,
Jalan Pelabuhan Utara,
42005 Pelabuhan Klang,
Selangor
Tel: 03 - 31688211
Faks: 03 - 31670211

Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang
Tingkat 2, Swettenham Pier Cruise Terminal,
No. 1A, Pesara King Edward,
10300 Pulau Pinang.
Tel: 04 - 2633211
Faks: 04 - 2626211

JABATAN LAUT MALAYSIA
Y.Bhg. Dato' Kapten Ahmad Bin Othman
Ketua Pengarah

LEMBAGA PELABUHAN BINTULU
Encik Hamdan bin Abdul Hamid
Pengurus Besar

INSTITUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA (MIROS)
Y. Bhg. Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah
Ketua Pengarah

Jabatan Laut Malaysia
Ibu Pejabat Laut, Peti Surat 12,
Jalan Limbungan,
42007 Pelabuhan
Klang, Selangor.
Tel: 03-3346 7777
Faks: 03-3168 5289

Lembaga Pelabuhan Bintulu
Tingkat 8, 9 dan
10, Menara Kidurong,
Batu 12, Jalan Tanjung Kidurong,
Peti Surat 296,
97007 Bintulu,
Sarawak
Tel: 086-253888
Faks: 086-251876

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya
Lot 125-135, Jalan TKS 1,
Taman Kajang Sentral,
43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan,
Tel: 03 - 8924 9200
Faks: 03 -8733 2005

INSTITUT MARITIM MALAYSIA (MIMA)
Y. Bhg. Dr. Pola Singh
Ketua Pengarah

B-06-08 Megan Avenue II,
12, Yap Kwan Seng,
50450 Kuala Lumpur.

Tel: 03 - 2161 2960
Faks: 03 - 2161 4035